

# Lambang semangat Misi Nasional, RMK-9

Pembangunan seimbang, adil tumpu rakyat miskin: T P M

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, Bajet 2007 dibentangkan Perdana Menteri, semalam adalah penjelmaan semangat Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi mencapai pembangunan yang seimbang lagi adil.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bajet dibentangkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu juga sejajar dasar kerajaan memberi tumpuan kepada usaha membantu meningkatkan tarafhidup golongan berpendapatan rendah dan miskin.

"Di samping itu, pengurangan cukai korporat diberikan kerana dalam RMK-9 kita mendasarkan sumbangan daripada pelaburan swasta hendaklah ditingkatkan kepada paras 11.2 peratus.

"Bajet ini dapat memberi kerlangan dan kelegaan kepada semua golongan dalam negara kita," katanya di lobi Parlimen selepas selesai pembentangan Bajet 2007.

Mengulas lanjut Najib berkata, Bajet 2007 boleh dilihat dari dua sudut, iaitu pemberian insentif atau galakan dan usaha membela golongan rakyat miskin serta orang kurang upaya (OKU).

"Semua kegiatan rakyat kita sokong termasuk sukan dan OKU. Kita juga berusaha menjana kekayaan baru (menerusi), teknologi maklumat dan komunikasi, hab halal, perbankan Islam dan sebagainya," katanya.



SEMAGA BERJAYA: Abdullah bersalaman Ong sambil disaksikan Najib sebelum membentangkan Bajet 2007 di Dewan Rakyat di ibu negara, semalam.